

08 JAN 2002

Sukan-Kart

MALAYSIA MENYENARAI DUA PELUMBA LAGI

LANGKAWI, 8 Jan (Bernama) -- Malaysia menyenaraikan dua pelumba lagi untuk membawa cabaran pada Kejohanan Kart Rotax Max grand final edisi kedua di litar Antarabangsa Kart Morac di sini mulai 25 hingga 27 Jan.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Mofaz, Ahmad Tifli Talha berkata mereka yang dipilih ialah Mahathir Ngaau dan Rodney Mangness untuk menjadikan kesemua lima pelumba mewakili negara pada kejohanan itu.

Sebagai penganjur, Malaysia diberi penghormatan untuk menambah dua pelumba itu, katanya ketika meninjau persiapan kejohanan itu di sini hari ini.

Ini adalah julung kali Malaysia khususnya Langkawi dipilih menganjurkan Kejohanan Kart Rotax Max peringkat akhir dalam usaha membawa lebih ramai pelawat ke pulau peranganan ini.

Kejohanan berprestij itu dianjurkan oleh Mofaz Motorsport, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Langkawi Motorsport Club (LMC).

Ahmad Tifli yang juga penyelaras kejohanan berkata, pelumba yang dipilih sebelum ini ialah Ferhan Fauzy, Raja Razman Raja Idris dan Martin Druhan yang akan membawa cabaran negara.

Beliau berkata, ketiga-tiga pelumba itu telah menunjukkan prestasi cemerlang pada lima sirkit pemilihan yang diadakan di Malaysia dan yakin mereka boleh mencatat pencapaian terbaik berdasarkan faktor seperti berlumba di tempat sendiri selain sokongan moral daripada peminat tempatan.

Katanya kesemua pelumba itu sedang giat menjalani latihan dalam memantapkan persediaan menghadapi kejohanan sengit itu.

Beliau berkata, kejohanan pertama telah diadakan Puerto Rico tahun lepas yang menyaksikan Gavin Grinje dari Afrika Selatan menjuarai kejohanan itu.

Sebanyak 54 negara menyertai Kejohanan Kart Rotax Max peringkat awal di negara masing-masing dan hanya 31 negara dengan 78 pelumba telah menempah tiket ke pusingan kelayakan dan akhir di sini dan daripada jumlah itu hanya 40 pelumba akan beraksi pada grand final.

Sementara itu, Thailand dijadual mengadakan sesi latihan di litar itu minggu depan sebagai menghadapi kejohanan itu.

Sebelum ini, pelumba-pelumba dari Australia dan New Zealand mengadakan latihan sebagai menyesuaikan dengan keadaan di pulau peranganan ini.

-- BERNAMA

ZI NH FAZ